

Headline	KOLEKSI ISTIMEWA HARI AIDS SEDUNIA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Bestari	Circulation	179,231
Page No	21	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,675
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,025



KOLEKSI ISTIMEWA HARI AIDS SEDUNIA

La sama pentingnya dengan keperluan air ketika bersenam. Sama ada kita sedar atau tidak, menyarung pakaian yang sesuai kala bersenam atau melakukan aktiviti fizikal dapat memberi impak pada prestasi dan tahap kecergasan yang diinginkan.

Pemilihan pakaian yang sesuai juga tidak semata-mata menawarkan kesan selesa sepanjang bersenam, malah pakar psikologi sukan dunia mengakui ia dapat membantu meningkatkan tahap keyakinan diri.

Lebih selesa dan menarik pakaian yang disarungkan, lebih tinggi dan positif tahap keyakinan diri ketika bersenam hingga kepada penampilan selepas itu.

Trend 'athleisure' (pakaian sukan bersifat santai) yang banyak diguna pakai label ternama dunia juga membuatkan pakaian sukan kini diberi perhatian yang lebih khusus.

Justeru, Pedro menggunakan pakai trend 'athleisure' itu dalam himpunan istimewanya sempena Hari AIDS Sedunia tahun ini.

Meskipun Hari AIDS Sedunia diraikan pada setiap 1 Disember, Pedro berusaha mengembangkan lagi kesedaran umum mengenai HIV dan AIDS menerusi koleksi istimewa sehingga hujung tahun ini.

Dianggarkan lebih 36.7 juta individu seluruh dunia yang dijangkiti penyakit ini dan terpaksa menyembunyikan kesakitan mereka atas faktor malu dengan pandangan negatif masyarakat.

Atas faktor itu, Pedro

tampil dengan kempen provokasi #IFIGHTAGAINST yang meletakkan sasaran menentang diskriminasi serta mahu masyarakat lebih peka terhadap golongan terbabit.

Koleksi dikenali Kapsul Fights AIDS ini menyerlah dengan rona merah yang mewakili solidariti golongan yang hidup dengan HIV dan AIDS.

Kapsul ini terdiri daripada sepatu sneaker yang dihiasi getah 'criss-cross' di bahagian depannya sementara lapik dalaman lembut digunakan untuk keselesaan optimum.

Beg sandang tidak ketinggalan disertakan yang dihasilkan daripada material ringan serta mudah ditanggalkan jika ingin saiz yang lebih kecil.

Kempen #IFIGHTAGAINST ini turut bergerak di platform media sosial antaranya aplikasi Instagram.

Headline	KOLEKSI ISTMEWA HARI AIDS SEDUNIA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Bestari	Circulation	179,231
Page No	21	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,675
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,025

